

## Tahap Amalan Pengurusan Peperiksaan Dan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru.

Hassan Hushin & Shafinaz Bt Kamaruddin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan peperiksaan dan pengurusan kokurikulum di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru. Seramai 49 orang guru dari Sekolah Menengah Islam Hidayah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan satu set soal selidik kepada responden yang mempunyai 59 item. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS) 13.0 for Windows*. Tahap kebolehpercayaan (Alfa Cronbach) yang diperolehi melalui kajian rintis ialah 0.832. Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pengurusan peperiksaan dan kokurikulum di SMIH berada pada tahap tinggi. Cadangan untuk kajian lanjutan disertakan untuk tujuan penambahbaikan.

**Katakunci :** amalan pengurusan pemeriksaan, pengurusab kokurikulum

### Pengenalan

Kesedaran masyarakat tentang pentingnya pendidikan dapat dilihat melalui keperihatinan ibu bapa yang mendaftarkan anak mereka sama ada sekolah rendah atau menengah. Jelasnya ibu bapa akan memilih sekolah yang berkesan kerana beranggapan jika anaknya belajar di sekolah yang baik maka adalah mungkin anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang. Blau dan Scot (1962) berpendapat sebagai sebuah organisasi pendidikan, sekolah merupakan sistem sosial yang amat peka dengan hasrat dan cita-cita masyarakat.

Senario pengurusan sekolah telah banyak berubah kebelakangan ini. Segala perubahan dan pembaharuan yang dirancang dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan sekolah. Ini adalah sebagai cabaran dalam pendidikan bagi mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek sebagai asas kepada insan kamil.

Sistem pengurusan ialah siri prosedur, kawalan, sikap dan budaya sesebuah agensi yang dapat menjamin secara berterusan setiap produk sama ada dalam bentuk barangan ataupun perkhidmatan menepati ataupun melebihi mutu yang digariskan. Melalui sistem ini setiap individu mestilah memahami apa yang diharapkan, bagaimana untuk mencapainya di samping memilih yang mencukupi untuk mencapainya. (Omardin Ashaari, 2002)

Secara khususnya, fungsi utama pengurusan sekolah ialah untuk menguruskan polisi kualiti, pembelajaran, manusia dan sumber. Kefahaman tentang tujuan pengurusan dalam konteks sekolah merupakan satu asas penting. Sekarang, secara amnya, pemimpin sekolah mengembangkan pernyataan visi dan misi (matlamat dan objektif sekolah) yang mengenal pasti tujuan dan hala tujuan sekolah itu. Spinks (1990) mengenalpasti pengurangan bidang kuasa dan penyeliaan prosedur sekolah telah menekankan keberkesanan persekolahan dan dengan itu menentukan kejayaan dan kegagalan sekolah.

Dalam usaha mencapai dasar dan wawasan pendidikan, sesebuah sekolah perlu mengatur dan mengawal faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti perkhidmatannya seperti pentadbiran

dan kemanusiaan. Kawalan ini perlu berorientasikan pengurangan, pembasmian dan pencegahan kecacatan yang akan wujud iaitu 'zero defect'.

### **Pernyataan Masalah**

Masalah yang dihadapi di sekolah swasta ialah tiada suatu standard piawaian yang dikhaskan kepada sekolah-sekolah ini untuk digunapakai sebagai garis panduan dalam penilaian tahap pengurusan sekolah berkaitan dengan pengurusan peperiksaan dan pengurusan kokurikulum. Penyelidik ingin menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti tahap amalan pihak sekolah bagi setiap aspek dalam elemen pengurusan peperiksaan dan elemen pengurusan kokurikulum di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru.

### **Objektif Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan di Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH) dalam pengurusan peperiksaan dan kokurikulum. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti tahap amalan pengurusan bagi setiap aspek dalam elemen pengurusan peperiksaan Sekolah Menengah Islam Hidayah.
2. Menenalpasti aspek yang mana diberi penekanan oleh pihak sekolah dalam elemen pengurusan peperiksaan Sekolah Menengah Islam Hidayah.
3. Menenalpasti tahap amalan pengurusan bagi setiap aspek dalam elemen pengurusan kokurikulum Sekolah Menengah Islam Hidayah.
4. Menenalpasti aspek yang mana diberi penekanan oleh pihak sekolah dalam elemen pengurusan peperiksaan Sekolah Menengah Islam Hidayah.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pihak sekolah berkenaan untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan di Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH). Ia juga dapat memberikan garis panduan kepada pihak sekolah terutamanya pentadbir bagi mewujudkan sistem pengurusan yang lebih efisien dan berkualiti tinggi. Penyelidik menganggap kajian itu penting kerana:

1. Penyelidikan ini boleh dijadikan panduan secara am atau dirujuk oleh guru dan pihak pentadbir supaya dapat memantapkan lagi sistem pengurusan peperiksaan dan pengurusan kokurikulum .
2. Supaya semua pihak dari atasan dan bawahan yang terlibat akan menyedari tentang pengurusan peperiksaan dan pengurusan kokurikulum dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.
3. Sebagai panduan dan penyedaran kepada pihak sekolah supaya memperbaiki sistem pengurusan yang sedia ada.
4. Memberi kesedaran kepada pihak sekolah supaya mewujudkan guru-guru yang berkeyakinan tinggi dan menyediakan diri sebaik mungkin untuk menjadi seorang guru yang berkualiti pada abad 21 ini untuk mendidik serta melahirkan generasi yang berkualiti.
5. Menjadi panduan kepada penyelidikan lain yang ingin membuat kajian terhadap tajuk yang berkaitan.
6. Menjadikan draf instrumen yang telah dibina oleh penyelidik sebagai penilaian dalaman (*self assessment*) kepada sekolah untuk penambahbaikan.

## **Reka bentuk kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif secara kajian kes yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan peperiksaan dan pengurusan kokurikulum. Menurut Van Dalen (dalam Mohamed Najib, 2003), kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan cara menganalisa data deskriptif yang diperolehi dengan pembentukan soal selidik. Mohamed Najib (2003) pula menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang diterokai.

Menurut Cohen dan Manion (1985), dalam Mohamed Najib (2003), kajian kes adalah usaha mengkaji satu-satu unit pada satu-satu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku dan pada peringkat akhir dapat membuat andaian tentang unit populasi yang lebih besar tentang peristiwa yang sama. Sekiranya semua sampel dalam satu-satu populasi digunakan ia juga di panggil kajian kes.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kajian kes ke atas sebuah sekolah swasta yang telah dipilih berdasarkan masalah yang dikenalpasti iaitu mengenalpasti tahap amalan pengurusan sekolah tersebut kerana disebabkan tidak mempunyai standard piawaian yang khas bagi memantau keberkesanan sekolah. Pembentukan instrumen yang sesuai bagi setiap aspek juga dibuat oleh penyelidik.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Mohamed Najib (2003) sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Prinsip persampelan yang diamalkan adalah berdasarkan konsep kebarangkalian dan setiap elemen yang dipilih adalah mempunyai peluang yang sama. Pada asasnya, persampelan adalah merupakan satu usaha bagi seorang penyelidik untuk memperolehi maklumat daripada sampel yang dapat mewakili populasi tersebut.

Populasi ialah responden yang sepatutnya menjawab soal selidik (berdasarkan kepada tajuk) serta merupakan seluruh orang atau objek yang dikaji. Persampelan adalah proses mendapat sampel daripada populasi. Ia merupakan kaedah yang baik untuk mengurangkan kos dan menggambarkan seluruh populasi. Sebagaimana yang diketahui, sampel adalah sumber untuk mendapatkan data.

Persampelan bagi kajian ini adalah merangkumi semua populasi yang terlibat dalam Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru (SMIH). Responden terdiri daripada 49 orang guru-guru SMIH.

## **Instrumen Kajian**

Menurut Mohamed Najib (2003), instrumen ialah alat untuk mengutip data. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik.

Kaedah pembinaan instrumen yang digunakan ini adalah merujuk kepada objektif kajian. Berdasarkan objektif kajian tersebut, penyelidik menetapkan persoalan-persoalan kajian yang hendak di kaji. Oleh itu, soal selidik ini dibina berdasarkan dari pemerhatian kepada elemen-elemen daripada Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Elemen yang bersesuaian dengan sekolah digunakan dan diolah untuk membentuk soalan item.

Sebelum mengedarkan soal selidik, penyelidik mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada pensyarah dan pengetua yang berpengalaman untuk menilai kandungan item soal selidik. Ini kerana, penyelidik perlu mendapatkan bantuan daripada pensyarah atau pakar-pakar dalam sesuatu bidang bagi mengelakkan keaburhan atau mengelakkan soal selidiknya daripada tidak mencapai objektif penyelidikan.

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set borang soal selidik (*Questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Kaedah soal selidik secara kajian kes dengan menggunakan borang soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data yang diperolehi juga mudah dianalisis. Selain daripada itu, kaedah ini juga menjimatkan masa, tenaga dan kos dalam proses pengendalian ke lokasi kajian.

Oleh itu, bagi memudahkan penyelidik mendapat kerjasama daripada responden, penggunaan instrumen ini amat bertepatan kerana responden bebas memilih dan menilai sehingga mengeluarkan satu keputusan yang benar-benar diingini tanpa rasa tertekan. Ini jelas dinyatakan oleh Siegel (1988), iaitu penggunaan soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.

Soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Bahagian A digunakan untuk mengisi maklumat peribadi atau latar belakang responden. Manakala bahagian B digunakan untuk mengkaji aspek-aspek pengurusan peperiksaan dan bahagian C pula adalah untuk mengkaji aspek-aspek pengurusan kokurikulum.

### **Kajian Rintis**

Menurut Mohamed Najib (2003), tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Menurut beliau, kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang ingin diukur, manakala kebolehpercayaan merujuk kepada skor yang diperolehi sama ada melambangkan ukuran sebenar seseorang individu. Skor yang tekal, stabil dan konsisten bagi sesuatu pengukuran dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Justeru itu penyelidik menjalankan satu kajian rintis bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Islam Al-Tahfiz Taman Mawar, Pasir Gudang ke atas 10 orang guru. Mereka dipilih secara rawak untuk menjawab item. Kajian ini bertujuan untuk memastikan ketepatan soalan item dari aspek kefahaman responden dari segi tatabahasa, isi kandungan dan kejelasan soalan. Selain daripada itu ia juga digunakan untuk membuat anggaran masa yang sesuai untuk menguruskan soalan item itu kelak. Kebolehpercayaan akan memberi darjah kekekalan dan ketepatan instrumen pengukuran (Mohd. Majid, 1994). Selain itu, penyelidik dapat melihat sejauh manakah soalan item yang digunakan dapat menghasilkan keputusan yang relevan, mencapai objektif dan menjawab semua persoalan kajian.

Soalan item telah diedarkan kepada responden dan kemudian dikumpulkan sejeurus selepas responden selesai menjawab. Setelah kajian rintis dibuat, penyelidik telah menilai kembali setiap item dalam soal item tersebut. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 13.0 for Windows (SPSS)*. Setelah analisis dibuat, didapati pekali *Cronbach-Alpha* ( $\alpha$ ) bagi keseluruhan item ialah 0.832.

Ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach dalam SPSS digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan item soal selidik dengan menggunakan kriteria berikut:

**Jadual 1 Alpha Cronbach**

Nilai Alpha	Kedudukan Item
0.0 - 0.2	Ubah semua item
0.2 - 0.8	Ubah sebahagian item
0.8 - 1.0	Item boleh diterima

### Analisis Data

**Jadual 2 : Rumusan Dapatan Kajian Mengikut Aspek Kajian.**

Bil	Aspek Pengurusan Kokurikulum	Purata min	Tahap
1)	Perancangan	2.70	Tinggi
2)	Penyeliaan dan pemantauan aktiviti	2.56	Tinggi
3)	Pengurusan Kawalan Khas	2.09	Sederhana
Purata		2.45	Tinggi

Jadual 2 di atas menunjukkan, tahap amalan pengurusan bagi setiap aspek dalam pengurusan kokurikulum di SMIH. Tahap amalan pengurusan bagi aspek perancangan serta penyeliaan dan pemantauan aktiviti adalah berada di tahap tinggi iaitu masing-masing dengan purata min 2.70 dan 2.56, manakala bagi aspek pengurusan kawalan khas berada di tahap yang sederhana dengan purata min 2.09.

Hasil analisis keseluruhan persoalan kajian ini menunjukkan bahawa aspek diberi penekanan oleh pihak sekolah dalam pengurusan kokurikulum adalah aspek perancangan iaitu dengan purata min 2.70. Aspek ini boleh dikatakan sebagai aspek utama yang memberi kesan kepada responden. Aspek kedua yang diberi penekanan oleh pihak sekolah ialah aspek penyeliaan dan pemantauan aktiviti dengan purata min 2.56 dan diikuti dengan aspek pengurusan kawalan khas dengan purata min 2.09. Purata min bagi aspek-aspek di atas ialah 2.45 di mana ia berada di tahap yang tinggi.

### Perbincangan

Dapatan kajian yang dijalankan terhadap Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH) menunjukkan bahawa tahap amalan pengurusan bagi setiap aspek adalah berada pada tahap tinggi. Aspek-aspek yang terlibat adalah aspek perancangan, aspek peperiksaan dalaman dan aspek peperiksaan luar. Melalui analisis data, aspek perancangan menunjukkan ia berada pada tahap tinggi dengan nilai min 2.74. ini menunjukkan pihak sekolah telah melakukan perancangan dengan baik. Ini terbukti menerusi penyediaan takwim peperiksaan dan penyelarasan bank soalan. Seterusnya bagi aspek pengurusan peperiksaan dalaman, ia juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 2.43 namun kedudukan tahap dalam elemen pengurusan peperiksaan, ia adalah rendah berbanding aspek yang lain. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan, perjalanan peperiksaan dalaman kurang dititikberatkan berbanding perjalanan peperiksaan luar. Bagi aspek pengurusan peperiksaan luar, nilai minnya adalah 2.77 yang menunjukkan ia berada pada tahap tinggi.

Melalui dapatan kajian, aspek yang diberi penekanan oleh pihak sekolah dalam elemen pengurusan peperiksaan adalah aspek pengurusan peperiksaan luar. Nilai min bagi aspek pengurusan peperiksaan luar ini adalah 2.77. Aspek peperiksaan luar ini merangkumi

perlaksanaan pihak sekolah sebelum berlangsungnya sesuatu peperiksaan luar seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR).

Dapatan kajian yang dijalankan terhadap Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH) menunjukkan bahawa tahap amalan pengurusan bagi setiap aspek adalah aspek perancangan dengan nilai min 2.70. Ini menunjukkan aspek perancangan berada pada tahap tinggi. Selain itu, aspek kedua adalah aspek pemantauan dan penyeliaan aktiviti yang menunjukkan ia berada pada tahap tinggi dengan nilai min 2.56. Namun begitu, aspek pengurusan kawalan khas menunjukkan pada tahap sederhana dengan nilai min 2.45.

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan amalan pengurusan bagi aspek perancangan, peperiksaan dalaman dan peperiksaan luar berada pada tahap nilai min yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa pengurusan di SMIH berada di tahap yang baik dan amat dititikberatkan oleh pihak pentadbir serta pihak sekolah. Anjakan paradigma yang melanda dunia pelajar hari ini memaksa pentadbir sekolah merancang pelbagai strategi, cabaran dan wawasan. Bagi melahirkan sekolah yang cemerlang dari semua aspek, pengurusan yang berkualiti dan berkesan merupakan salah satu elemen penting yang perlu diberi perhatian. Lebih-lebih lagi dalam pengurusan peperiksaan. Ini adalah kerana peperiksaan merupakan penentu bagi seseorang pelajar. Pembangunan pengurusan yang berkesan mampu memberi sedikit sebanyak kesan pada pencapaian pelajar. Ini terbukti apabila keputusan peperiksaan yang lepas telah mencapai tahap yang membanggakan. Walaupun ini adalah atas daya usaha pelajar, namun tanpa bimbingan yang berkesan pelajar akan tercicir. Berdasarkan pendapat Hoy dan Miskel, (2001) pengelolaan sekolah yang berkesan adalah aspek yang paling asas dalam pengurusan sekolah. Aspek-aspek yang akan dikelolakan ialah aktiviti-aktiviti akauntabiliti, pencapaian akademik, piawai hasil kerja, skor ujian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kadar keciciran pelajar, kepuasan bekerja dan budaya pembelajaran produktif.

Didalam elemen pengurusan peperiksaan, terdapat pelbagai aspek yang perlu diambil perhatian oleh sesebuah sekolah bagi memastikan ianya mencapai ke tahap yang cemerlang. Ini memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh bagi mentadbir atau menguruskan perkara ini. Pendapat ini selari dengan Ibrahim Mamat (2001) yang menegaskan setiap aspek pengurusan perlulah diselaraskan agar pengaturan, penyusunan dan perlaksanaan berlaku dengan berkesan.

Bagi persoalan kajian yang kedua ini, aspek yang diberi penekanan oleh pihak sekolah adalah aspek pengurusan peperiksaan luar. Ini menunjukkan bahawa SMIH tidak ketinggalan dalam menguruskan peperiksaan luar pada tahap yang baik. Seperti yang diketahui peperiksaan merupakan satu komponen penting dan amat dititikberatkan di sekolah. Ini adalah kerana kualiti sebuah sekolah dilihat dari produk yang telah dihasilkan. Produk yang dimaksudkan ialah pelajar. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kualiti pemimpin negara adalah dilihat dari kebolehan mereka merangka strategi yang berkesan, mengembleng sumber yang terhad serta menerajui proses pemulihan. Manakala kualiti sekolah pula adalah dilihat dari aspek pengurusan dan perkhidmatannya bagi melahirkan output yang berkualiti. Berdasarkan pencapaian pelajar, SMIH telah melahirkan ramai pelajar yang cemerlang. Ini membuktikan pengurusan yang berkesan merupakan salah satu faktor yang mendorong pencapaian seseorang pelajar. Berdasarkan hasil analisis item menunjukkan, perjalanan peperiksaan berjalan dengan lancar. Ini bermakna pengurusan bagi peperiksaan luar diberi tumpuan agar tidak berlaku sebarang masalah. Pengurusan yang baik merupakan nadi yang menghidup dan menggerakkan sesebuah organisasi itu.

Guru-guru yang terlibat dalam pengurusan kokurikulum adalah merupakan penggubal proses kualiti untuk mengkoordinasi usaha melaksanakan kualiti dalam bidang sukan,

persatuan, kelab pasukan dan beruniform. Pengurusan kualiti dalam bidang pendidikan memberi fokus kepada perkhidmatan pendidikan dan bukan produk perkhidmatan. Khidmat pendidikan yang berkualiti di sekolah diharap dapat memenuhi keperluan dan harapan pelanggan iaitu pelajar dan ibu bapa. Manakala guru adalah pembekal untuk memenuhi kepuasan pelanggan dan mencapai kualiti, pihak pengurusan (contohnya pengurusan kokurikulum) perlu mengenalpasti aspek-aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang terdapat dalam organisasi. (Murgatroyd & Morgan, 1994)

Perancangan juga merupakan faktor penyatu dalam membuat keputusan dan ia boleh membantu untuk mengenal pasti peluang pada masa hadapan. Selain itu perancangan juga boleh dijadikan sebagai standard untuk mengukur prestasi dimana suatu perancangan akan menyatakan apa yang hendak dilaksanakan di dalam satu-satu masa. Dengan adanya sesuatu perancangan yang lengkap dan teratur tiap-tiap jabatan akan memahami dengan jelas tentang sumbangan yang mereka harus berikan supaya matlamat organisasi akan dicapai. Oleh itu dengan sikap bekerjasama di tiap-tiap jabatan, pencapaian matlamat akan lebih terjamin (Jaafar Muhamad, 1988). Misalnya dalam masa lima tahun yang akan datang, sekolah ingin meningkatkan prestasi pencapaian dalam sukan dan matlamat ini boleh dijadikan ukuran terhadap pencapaian sekolah dengan cara membandingkan pencapaian sebenar yang telah dirancang. Dengan ini satu sistem kawalan akan dapat diwujudkan untuk memastikan segala yang telah dirancang itu selaras dengan yang dicapai.

### **Rujukan**

- Azizi Yahaya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* :PTS Professional Sdn Bhd.
- Blau P.M dan Scott W.R. (1962). *Formal Organization: A Comparative Approach*, New York: Chandler Publishing
- Cohen, L., Manion, L. (1985). *Research methods in education*. London: Croom-Helm.
- Denyer J.K. (1972). *Students Guide to Principles of Management*. London: Pavillion Books.
- Eric A. Hanushek (2001). *Case Studies in School Administration*. Brisbane: University of Queensland.
- Federik, W.T (1947). *Scientific Management*. New York: Harper and Row.
- Hodge B.J, Willam A.P & Lawrence G.M (2003). *Organization Theory*. New Jersey: Pearson Education.Inc.
- Ingham, T. (1994). How to Impliment Management by Objective in the workplace. *The TQM Magazine*. Vol 6, p53-54.
- Jaafar Muhamad (1988). *Asas pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti
- Jaafar Muhammad (1997). *Kelakuan Organisasi Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, Leed Publications.
- Kamarudin Hj Kachar (1989). *Kepimpinan professional dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Mc Millan, J.H. ( 1996 ). *Research In Education*. Boston: Little, Brown & Company Limited.
- Nik Abdul Rashid Ismail (1994). *Pendidikan Pengurusan dan Masa Hadapan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omardin Ashaari (2001). *Pengurusan Sekolah: Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Purkey, S.D. and Smith (1982). Effective School: *A review elementary school journal*, 83 (4)
- Rohana binti Hashim (2001). *Amalan Ciri-Ciri Pengurusan Sekolah Berkesan Di Sekolah Cemerlang daerah Batu Pahat, Johor*. Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Schumacher, S. (1984). *Research in Education*. Boston: Little, Brown & Company Limited

- Thierauf et. al (1977). *Excellence in Management*. Englewood Cliffs. NJ Prentice Hall.
- Wan Mohd. Zahid, et.al., Prinsip-prinsip Pengurusan dan Pentadbiran: Satu Pendekatan dari Perspektif Islam' kertas kerja yang disampaikan di Seminar Pengurusan Islam Antarabangsa. Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Zahid (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1990). *Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn Bhd.